



SOHBAH OLEH
HADRAT SHEIKH MUHAMMAD MEHMET ADIL AL- HAQQANI

FAMILY TIES IS OBLIGATORY
MEMPERERATKAN SILAT-UR-RAHIM ADALAH FARDHU

*Assalamu Alaykum wa Rahmatullah wa Barakatuh,
Auzu Billahi Minashaytanir Rajeem. Bismillahir Rahmanir Raheem,
Wassalatu Wassalamu ala Rasulina Muhammadin Sayyidul Awwalin wal Akhirin,
Madad Ya Rasulallah, Madad Ya As'habi RasuLillah, Madad Ya Mashayikhina,
Sheykh Abdullah Daghestani, Sheykh Nazim al-Haqqani. Dastur.
Tariqatunas sobba, wal khayru fil jamiyya.*

Silat-ur-Rahim dalam pertalian keluarga adalah penting. Orang sekarang tidak tahu mana hendak di tuju pada hujung minggu. Adalah suatu amalan yang baik yang di berkati dengan ganjaran pahala untuk membawa keluarga anda untuk menziarahi ibu bapa anda, jika mereka masa hidup. Adalah elok untuk menziarahi mereka.

Amalan yang baik untuk kenal mengenal saudara mara dan sanak keluarga. Ini penting dalam perspektif Islam. Adalah elok untuk ketahui dari mana kita datang dan asal usul kita. Orang orang dahulu lazimkan amalan ini tetapi orang orang kini tidak hiraukan nya selepas menjatuhkan Empire Ottoman.

Di mana letaknya keturunan anda? Dari mana asal usul nya dan ke mana arah perjalanannya?. Baik bagi kita untuk memberi perhatian kepada perkara ini. Terutama pada masa kini ada orang yang memalsukan fakta dengan mengatakan “Saya seorang sayyid, saya ini dan saya itu.” Tidak lah elok anda berkata demikian jika anda tidak ada bukti yang nyata walaupun anda seorang demikian. Kita adalah semua keturunan Nabi Adam Alayhis Salam. Seperti silsilah keturunan Rasulullah ﷺ adalah suci dan indah, kerana dia adalah contoh yang terbaik untuk kita dalam semua aspek, begitu juga kita harus tahu siapa saudara kita, keturunan kita, datuk moyang kita, pakcik kita dan kita harus rapat kepada mereka. Silat-ur-Rahim adalah fardhu.

Amalan orang yang mengeratkan Silat-ur-Rahim akan memperolehi kebaikan dan rezeki nya bertambah. Ini bukan hanya suatu perkara untuk merapatkan tetapi ia adalah suatu ibadah. Sesiapa yang tidak melakukan ibadah adalah berdosa. “Orang yang memutuskan Silat-ur-Rahim antara keluarga akan memutuskan hubungan dengan Saya,” maksud firman Allah ﷻ.

Perkara ini telah di lupai. Mereka membuat kita lupa mereka. Ini di buat dengan sengaja selepas Ottoman. Alim ulama dan orang yang baik telah tinggalkan kita. Ini bertujuan untuk kita memutuskan pertalian pada zaman lampau. Mereka berjaya



SOHBAH OLEH
HADRAT SHEIKH MUHAMMAD MEHMET ADIL AL- HAQQANI

melakukan strategi ini. Tetapi, orang orang Muslim teruskan amalan indah mempereratkan Silat-ur-Rahim ini kerana ia adalah perintah Allah ﷻ. .

Amalan indah ini boleh hilang samasekali jika tidak kerana perintah Allah ﷻ. Dari mana asal usul orang itu dan di mana arah dia tidak akan di ketahui. Idealisma Komunis juga sama, ia menceraikan beraikan keluarga. Tetapi orang walaupun menghadapi tekanan, masih menyambung silat-ur-rahim. Mereka saling kenal mengenali dan mereka tidak lupa.

Ini adalah perintah dan adat yang indah. Marilah kita teruskan amalan ini. Anda akan menerima limpahan ganjaran yang lumayan demi kerana Allah ﷻ.

Wa Minallah at-Tawfeeq.

Al-Fatiha.

Hadrat Shaykh Muhammad Mehmet Adil
20 February 2016/11 Jumada al-Awwal 1437
Sabah Namaz, Akbaba Dargah